

**DASAR PENTADBIRAN CHARLES VYNER
BROOKE DI SARAWAK PADA ZAMAN
KEMELESETAN EKONOMI DUNIA
(1917-1941)**



DOMINIC JUNIT ANAK AUGUSTINE KUAS

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**DASAR PENTADBIRAN CHARLES VYNER
BROOKE DI SARAWAK PADA ZAMAN
KEMELESETAN EKONOMI DUNIA
(1917-1941)**

DOMINIC JUNIT ANAK AUGUSTINE KUAS

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN
UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA
SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN
DALAM BIDANG SEJARAH**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN
2022**

BORANG PENGESAHAN PENGAKUAN LATIHAN ILMIAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

JUDUL : **DASAR PENTADBIRAN CHARLES VYNER BROOKE DI SARAWAK
PADA ZAMAN KEMELESETAN EKONOMI DUNIA (1917-1941)**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**

BIDANG : **SEJARAH**

Saya **DOMINIC JUNIT ANAK AUGUSTINE KUAS** sesi **2019-2022** mengaku dan membenarkan Latihan Ilmiah ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Latihan Ilmiah ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Latihan Ilmiah ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/) :

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK
TERHAD

Disahkan Oleh,



DOMINIC JUNIT ANAK
AUGUSTINE KUAS

BA19110465



(Dr. Mohd Shaukhi Mohd Radzi)

Penyelia Utama

Tarikh: 12 Ogos 2022

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk Dasar Pentadbiran Charles Vyner Brooke di Sarawak Pada Zaman Kemelesetan Ekonomi Dunia (1917-1941) ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan, ringkasan yang setiapsatunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 Ogos 2022



DOMINIC JUNIT ANAK
AUGSUTINE KUAS
BA19110465



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **DOMINIC JUNIT ANAK AUGUSTINE KUAS**
NO. MATRIK : **BA19110465**
TAJUK : **DASAR PENTADBIRAN CHARLES VYNER
BROOKE DI SARAWAK PADA ZAMAN
KEMELESETAN EKONOMI DUNIA (1917-
1941)**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL
DENGAN KEPUJIAN (SEJARAH), HA24**

DISAHKAN OLEH:



Tandatangan

Shaukhi

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Tuhan kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini dalam tempoh masa yang ditetapkan. Seterusnya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Mohd Shaukhi Mohd Radzi selaku penyelia bagi latihan ilmiah ini yang telah banyak memberi nasihat, teguran, tunjuk ajar dan membimbing saya sepanjang saya menyiapkan latihan ilmiah ini. Saya yakin bahawa tanpa bimbingan dan tunjuk ajar dari beliau sudah pasti hasil latihan ilmiah ini tidak akan lengkap dan siap seperti ini. Selain itu, saya juga ingin berterima kasih kepada semua pensyarah program Sejarah (HA24) yang selama ini telah bertungkus-lumus dalam memberi ilmu, tunjuk ajar serta panduan kepada saya agar dapat menyiapkan latihan ilmiah ini dengan baik.

Ribuan terima kasih dan jutaan kalungan kasih yang tidak terhingga saya dedikasikan buat keluarga tercinta saya terutamanya kedua-dua ibu bapa saya yang telah banyak memberikan sokongan moral, kewangan dan doa yang tidak putus. Begitu juga dengan ahli keluarga saya yang lain yang telah menjadi penguat dan tulang belakang saya sepanjang saya menyiapkan latihan ilmiah saya ini. Sesungguhnya, hanya Tuhan sahaja dapat membalas segala jasa dan kasih sayang yang telah mereka berikan kepada saya.

Akhir sekali, penghargaan ini saya tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya iaitu Agnesia Ejah Anak Chundie, Octvia Remyyas Anak Iju, Threscia Lionie Ansilmus, Eva Eydlintina, Hazana Bin Salman dan rakan-rakan seperjuangan yang lain atas bantuan dan sokongan yang diberikan sepanjang saya mencari bahan untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Semoga Tuhan mempermudah segala urusan kalian di masa akan datang.

Dominic Junit Anak Augustine Kuas
12 Ogos 2022

ABSTRAK

Sejarah pentadbiran semasa zaman pemerintahan Brooke bukanlah sebuah sejarah yang asing di negeri Sarawak. Hal ini demikian kerana ianya merupakan sejarah moden untuk negeri Sarawak terutama sekali semasa Charles Vyner Brooke memerintah Sarawak pada tahun 1917 sehingga 1941. Pada jangka masa tersebut, sesuatu yang diluar jangkaan beliau telah tercetus iaitu Great Depression atau lebih dikenali sebagai zaman kemelesetan ekonomi dunia yang mana semua kawasan yang terlibat dengan ekonomi-ekonomi perdagangan dan perniagaan akan terjejas. Keadaan ini berlaku rentetan daripada Perang Dunia Pertama yang tercetus sehingga mempengaruhi dunia ekonomi. Oleh yang demikian, Charles Vyner Brooke selaku Rajah yang mentadbir Sarawak pada masa itu perlu melaksanakan beberapa dasar dalam memastikan Sarawak tidak jatuh begitu sahaja dalam dunia ekonomi dengan memanfaatkan segala kekayaan yang dimiliki oleh Sarawak. Namun demikian, pelaksanaan dasar tersebut memberikan impak yang baik dan buruk terhadap penduduk asal di Sarawak sehingga menimbulkan beberapa kejadian yang membawa kepada pengunduran pemerintahan Brooke di Sarawak.

Kata kunci: Charles Vyner Brooke, ekonomi Sarawak, kemelesetan ekonomi dunia (*Great Depression*), impak ke atas penduduk tempatan

ABSTRACT

CHARLES VYNER BROOKE'S ADMINISTRATIVE POLICY IN SARAWAK DURING THE WORLD ECONOMIC DEPRESSION 1917-1941

The history of administration during Brooke's reign is not a foreign history in the state of Sarawak. This is because it is a modern history for the state of Sarawak, especially when Charles Vyner Brooke ruled Sarawak from 1917 to 1941. During that period, something unexpected occurred which was the Great Depression or better known as the world economic recession which all areas involved with trade and business economies was affected. This situation happened in a series from the First World War that broke out until it affected the economic world. Therefore, Charles Vyner Brooke as the Rajah who governed Sarawak at that time had to implement several policies to ensure that Sarawak did not simply fall in the economic world by taking advantage of all the wealth that Sarawak possessed. Nevertheless, the implementation of the policy had a good and bad impact on the original population in Sarawak, leading to several incidents that led to the withdrawal of Brooke's rule in Sarawak.

Keywords: Charles Vyner Brooke, Sarawak's economy, the global economic recession (Great Depression), the impact to the local

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
BORANG PENGESAHAN PENGAKUAN LATIHAN ILMIAH	ii
PENGAKUAN	iii
PENGESAHAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
ISI KANDUNGAN	viii-x
SENARAI RAJAH DAN GAMBAR	
Lampiran A	xi
Lampiran B	xii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1-3
1.2 Permasalahan Kajian	3-4
1.3 Sorotan Literatur	4-10
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Skop Kajian	11
1.6 Metodologi Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	12-13
1.8 Pembahagian Bab	13-14
1.9 Penutup	14-15
BAB 2: LATAR BELAKANG PEMERINTAHAN BROOKE DI SARAWAK DAN SEJARAH KEMELESETAN EKONOMI DUNIA	
2.1 Pengenalan	16-18
2.2 Latar Belakang Kedatangan Keluarga Brooke ke Sarawak	19
2.3 James Brooke, Charles Brooke dan Charles Vyner Brooke	19-31
2.4 Sejarah Kemelesetan Ekonomi Dunia (1929-1933)	31-32
2.4.1 Perang Dunia Pertama (1914-1918)	32-34

2.4.2 Kehilangan Kawasan Pemasaran Barangan Industri	34-36
2.5 Penutup	37
BAB 3: DASAR PENTADBIRAN CHARLES VYNER BROOKE DALAM MENDEPANI ZAMAN KEMELESETAN EKONOMI DUNIA DI SARAWAK	
3.1 Pengenalan	38-41
3.2 Dasar Pentadbiran Charles Vyner Brooke di Sarawak Dalam Mendepani Zaman Kemelesetan Ekonomi Dunia	41-42
3.2.1 Menjadikan Pertanian Sebagai Tulang Belakang Ekonomi Charles Vyner Brooke	43-45
3.2.2 Pengenalan Kepada Eksport	45
3.2.3 Melaksanakan Kawalan Getah	45-47
3.2.4 Mengeksploitasi Sumber Mineral	47-48
3.2.5 Melaksanakan Pemuliharaan Hutan	48-51
3.2.6 Memperkenalkan Dasar dan Perundangan Tanah	51-53
3.2.7 Membangunkan Infrastruktur	53-55
3.3 Penutup	55-56
BAB 4: KESAN PELAKSANAAN DASAR EKONOMI TERHADAP PENDUDUK TEMPATAN SARAWAK	
4.1 Pengenalan	57-58
4.2 Perdagangan dan Perniagaan	58
4.2.1 Melayu Sarawak	58-61
4.2.2 Melanau	61-64
4.2.3 Dayak Laut (<i>Sea Dayak</i>)	64-67
4.2.4 Kayan dan Kenyah	67-69
4.2.5 Dayak Darat (<i>Land Dayak</i>)	69-70
4.3 Pertanian Komersial	71
4.3.1 Melayu Sarawak dan Dayak	71-73
4.3.2 Kayan dan Kenyah	73-74
4.4 Dasar Perlindungan Tanah	74-76
4.5 Penglibatan Dalam Industri Ekstraktif	76-77

4.6 Pengaruh Pembangunan Infrastruktur	77-78
4.7 Penutup	78-79
BAB 5: KESIMPULAN	80-82
RUJUKAN	84-86



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

LAMPIRAN A

	Halaman
Gambar 1 : Peta Sarawak, Brunei dan Borneo Utara, 1946	17
Gambar 2 : Sungai Sarawak di Kuching 1846	18
Gambar 3 : Sir James Brooke (1848-1868) potret dilukis oleh Sir Francis Grant pada tahun 1847	20
Gambar 4 : Charles Brooke (1868-1917)	28
Gambar 5 : Charles Vyner Brooke (1917-1941)	29



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

LAMPIRAN B



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sejarah Sarawak sememangnya terbahagi kepada dua iaitu sejarah lama dan sejarah moden. Apa yang dikatakan sejarah lama ianya merujuk kepada di mana kawasan Sarawak merupakan wilayah jajahan kepada Brunei iaitu sebelum tahun 1841 manakala sejarah moden Sarawak berlaku apabila bermulanya pengasasan Dinasti Brooke pada tahun 1841. Keadaan ini menandakan bermulanya pemerintahan Rajah Putih yang berlangsung sehingga tahun 1941 apabila Charles Vyner Brooke terpaksa menyerahkan Sarawak kepada pihak British. Menyingkap pemerintahan Dinasti Brooke ini, ekonomi di Sarawak menjadi keutamaan Dinasti Brooke demi kepentingan mereka sendiri di samping memastikan kekuatan dan kestabilan pemerintahan Brooke di Sarawak. Justeru itu, terdapat tiga pemerintah Brooke yang memerintah Sarawak dari tahun 1841 sehingga 1941 iaitu James Brooke sendiri yang merupakan pengasas kepada pemerintahan Dinasti Brooke di Sarawak. Kemudiannya, legasi pemerintahan diteruskan oleh anak saudaranya iaitu Charles Brooke dan akhir sekali ialah Charles Vyner Brooke yang mana pada pemerintahan beliau menyaksikan usaha yang lebih terhadap pentadbiran ekonomi di Sarawak kerana pada masa pemerintahan Charles Vyner Brooke berlakunya zaman kemelesetan dunia dari tahun 1929 sehingga tahun 1935.

Zaman kemelesetan ekonomi dunia yang berlangsung selama 6 tahun memberikan impak yang besar kepada seluruh negara khasnya wilayah Sarawak yang pada ketika itu berada di bawah pemerintahan Charles Vyner Brooke. Kemelesetan ekonomi dunia ini merupakan krisis terbesar dunia dalam bidang ekonomi amnya. Hal ini demikian kerana ianya telah membawa kesan yang amat buruk kepada kawasan-kawasan yang mengeluarkan bahan mentah yang berasaskan pertanian untuk tujuan pasaran antarabangsa. Misalnya, harga komoditi

seperti jagung, beras, ubi, gula, getah, kopi, teh dan sebagainya telah merosot dengan mendadak.¹ Tambahan itu, krisis ekonomi yang berlaku pada tahun 1929 sehingga tahun 1935 ini merupakan satu gejala ekonomi dunia yang menyebabkan tidak ada satu negara pun khususnya yang terlibat dengan import dan eksport dapat terlepas daripada pengaruh krisis. Hal ini menyebabkan krisis ekonomi dunia ini dirujuk sebagai zaman meleset yang membawa erti kepada kemunduran mahupun merosot disebabkan oleh keadaan yang sangat susah dalam dunia perniagaan.² Justeru, Charles Vyner Brooke terpaksa berdepan dengan cabaran sedemikian semasa beliau diangkat menjadi pemerintah Sarawak pada tahun 1917.

Pada tahun 1917, Charles Vyner telah diangkat menjadi Rajah Putih yang seterusnya dalam mentadbir Sarawak selepas Charles Brooke. Hal ini kerana menurut wasiat Charles Brooke, hanya anak lelaki sahaja yang dapat mewarisi takhta kerajaan Sarawak. Oleh yang demikian, Charles Vyner Brooke menjadi pemerintah Sarawak yang sah dari tahun 1917 sehingga tahun 1941. Namun begitu, beliau terpaksa bekerja dengan lebih kerasa pada era pemerintahannya disebabkan oleh Sarawak yang tidak ketinggalan dalam berdepan dengan zaman kemelesetan dunia. Hal ini kerana Sarawak juga turut terlibat pengeluaran hasil pertanian yang dikatakan paling terkena impak yang besar pada zaman tersebut. Misalnya, Sarawak mengeluarkan hasil seperti lada, sagu dan kopra. Maka, keadaan ini mendesak Charles Vyner Brooke untuk merangka pentadbiran beliau dengan teratur bagi memastikan legasi pemerintahan Brooke terus kekal dan kuat walaupun pada akhirnya Charles Vyner Brooke terpaksa menyerahkan Sarawak ke tangan pihak British. Namun, usaha mahupun dasar yang digunakan oleh Charles Vyner Brooke perlu diberikan penekanan semasa beliau menghadapi zaman kemelsetan ekonomi dunia dari tahun 1929 sehingga tahun 1935.

Perkara yang menariknya pada era pemerintahan Charles Vyner Brooke merupakan era baru yang sememangnya berlaku pada zaman Charles Brooke namun masih berlangsung semasa pemerintahan Charles Vyner Brooke. Pada era tersebut

¹ Egbert de Vries (Terj.), *Pertanian dan Kemiskinan di Jawa*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia dan Gramedia, 1985, hlm. 85.

² Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., 1995, hlm. 1149.

industri getah dan petroleum mula dilaksanakan yang sememangnya menjadi penyumbang utama kepada pendapatan kerajaan. Bukan itu sahaja, nilai eksport juga bertambah dan secara kasarnya melebihi nilai import.³ Akan tetapi, berlakunya kemelesetan ekonomi dunia ketika ekonomi di Sarawak mula tumbuh dan keadaan ini menyebabkan pengeluaran hasil ekonomi seperti getah, petroleum dan juga bahan mentah yang lain terpaksa tergendala kerana negara mahupun wilayah lain turut terkesan dengan kemelesetan yang berlaku. Tambah pula, import dan eksport tidak dapat dilaksanakan dengan lancar disebabkan sistem mata wang yang mula diperkenalkan pada ketika itu turut terkesan. Oleh yang demikian, pelbagai dasar dan usaha khasnya dalam bidang ekonomi terpaksa digunakan oleh Charles Vyner Brooke dalam memastikan pentadbiran Brooke di Sarawak kekal stabil kerana aspirasi utama pemerintahan James Brooke dahulu adalah kekuatan ekonomi bagi memastikan kekuatan kuasa di sesebuah wilayah pentadbiran khasnya di Sarawak.

1.2 Permasalahan Kajian

Apabila berbicara berkenaan dengan sejarah Sarawak itu sudah pasti penceritaannya sangat pelbagai dan menarik. Hal ini demikian kerana di Sarawak dapat dilihat dengan jelas pada awalnya, Sarawak berada di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei dan kemudiannya diperintah oleh Raja Brooke sehingga pada satu masa Sarawak mencapai kemerdekaan sendiri setelah dikuasai oleh pihak British. Namun begitu, apa yang menjadi fokusnya ialah pemerintahan ekonomi zaman Brooke khasnya pada era pemerintahan Charles Vyner Brooke yang menyaksikan sendiri pada ketika itu berlakunya zaman kemelesetan ekonomi dunia. Keadaan ini memberikan tentangan yang hebat buat Charles Vyner Brooke dalam menangani zaman kemelesetan ekonomi ini kerana secara amnya, sektor ekonomi merupakan sektor yang penting buat keluarga Brooke dalam memastikan kekuatan dan kestabilan pemerintahan mereka di Sarawak di samping demi kepentingan mereka sendiri. Oleh yang demikian, wujud permasalahan berkenaan dengan bagaimana Charles Vyner Brooke mengatasi masalah kemelesetan ekonomi dunia di Sarawak

³ Ranjit Singh D. S., *Pertumbuhan Ekonomi Sarawak 1824-1941, Jurnal Sejarah, Vol. 10(10): 77-97*, hlm. 90.

demikian kestabilan pemerintahan Dinasti Brooke. Jadi, perkara ini menjadi permasalahan kerana dasar yang dilaksanakan oleh Charles Vyner Brooke perlu dirungkai sama ada ianya memudaratkan penduduk tempatan ataupun sebaliknya.

Di samping itu, apabila menilai kepada dasar yang dilaksanakan oleh Charles Vyner Brooke ketika menangani kemelesetan ekonomi dunia sudah semestinya dasar tersebut akan memberikan impak yang tersendiri kepada penduduk tempatan khususnya. Dasar ekonomi yang dilaksanakan ini disifatkan amat membebankan masyarakat tempatan disebabkan oleh faktor-faktor pelaksanaan dasar tersebut untuk mengaut keuntungan yang dimiliki oleh Sarawak tanpa memikirkan kesan yang diterima oleh masyarakat tempatan. Hal ini demikian kerana menurut sebuah penulisan ada menyatakan bahawa keluarga Brooke melakukan kekerasan bagi memastikan mereka dapat mengaut keuntungan yang lebih dari segi ekonomi sepanjang memerintah Sarawak.⁴ Jika melihat kepada pernyataan tersebut, sudah semestinya ia memberikan impak yang buruk kepada penduduk tempatan. Namun demikian, kajian perlu dilaksanakan dengan lebih mendalam bagi memastikan sama ada terdapatnya kesan yang baik ataupun tidak terhadap penduduk tempatan hasil daripada pelaksanaan dasar oleh Charles Vyner Brooke. Jadi, permasalahan seumpama ini perlu dinilai bagi memastikan kesan yang terpaksa dihadapi oleh penduduk tempatan khususnya pada era pemerintahan Charles Vyner Brooke dari tahun 1917 sehingga tahun 1941.

1.3 Sorotan Literatur

Memang tidak dapat dinafikan bahawa penulisan mengenai pentadbiran ekonomi Brooke di Sarawak bukanlah sedikit malah banyak sehingga menjadi kajian-kajian ramai pengkaji yang ingin memahami sejarah pentadbiran kuasa Barat ini di Sarawak. Hal ini telah menimbulkan idea-idea baru dalam mengupas sejarah berkenaan dengan polisi pentadbiran ekonomi Brooke di Sarawak sehingga memberikan pengaruh yang besar terhadap penduduk di Sarawak.

⁴ Khoo Kay Kim, *Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1982, hlm. 91-103.

Menurut Steven Runciman dalam bukunya *Malaysian Heritage: The White Rajahs* (2007) menyatakan bahawa kedatangan James Brooke yang menjadi penanda aras kepada bermulanya zaman pemerintahan keluarga beliau di Sarawak ialah pada 1 Ogos 1941 iaitu di sekitar kawasan Barat Sarawak. Kawasan yang dimaksudkan ialah kawasan Tanjong Datu yang menjadi kawasan pertama James Brooke melakukan kekuasaannya di Sarawak setelah menerima arahan daripada Kesultanan Brunei. Pada tahun sebelum James Brooke datang ke Sarawak, beliau sememangnya pernah datang buat pertama ke Sarawak pada tahun 1839 bagi menyampaikan amanat daripada Gabenor Jeneral British di Singapura kepada Kesultanan Brunei. Melalui buku ini, dapat dilihat bahawa penulis cuba memberikan penjelasan yang mendalam berkenaan dengan sejarah kedatangan James Brooke ke Sarawak.⁵

Selain itu, menurut Haji Buyong Ali dalam bukunya yang berjudul *Sejarah Sarawak* (1991) menyatakan bahawa pada bulan Julai 1839 James Brooke dengan kapal "*Royalist*" nya bertolak meninggalkan Singapura berlayar di lautan Singapura dan Kepulauan Borneo sambil mengukur laut di situ bagi tujuan kepentingan pelayaran dan penjajahannya. Akhirnya, sampailah James Brooke ke Sungai Sarawak di Santubong. Dari situlah James Brooke memulakan perjalannya melalui Sungai Sarawak dan akhirnya sampai di Kuching pada Ogos 1839. Setelah itu, beliau bertemu dengan Pangeran Muda Hashim sehingga akhirnya, beliau menguasai Sarawak yang diserahkan oleh Pangeran Muda Hashim kepada beliau. Dari situlah bermulanya pentadbiran James Brooke di Sarawak terutamanya dari segi ekonomi yang menyaksikan sendiri bahawa James Brooke telah melakukan beberapa dasar bagi memastikan ekonomi Sarawak mula membangun.⁶

Seterusnya, Eldridge dalam bukunya yang bertajuk *Victorian Imperialism* (1978), menyatakan bahawa pemerintahan keluarga Brooke itu bermula sekitar tahun 1841 sehingga 1946 dan merupakan sebuah kerajaan persendirian yang wujud di persisiran pantai Borneo hingga ke kawasan pedalaman yang bersempadan

⁵ Steven Runciman, *Malaysian Heritage: The White Rajahs*, Kuala Lumpur: S.A. Majeed & Co. Sdn. Bhd, 2007, hlm. 74.

⁶ Haji Buyong Adil, *Sejarah Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hlm. 13.

dengan jajahan Belanda di Kalimantan. Saiz negeri ini mula berkembang sehingga tahun 1905. Kerajaan Brooke lazimnya berpusat di Kuching dan berjaya membentuk serta mewujudkan pentadbiran yang sistematik di Sarawak. Melalui penulisan ini, dapat dilihat bahawa penulis menulis berkenaan dengan bagaimana kedatangan awal James Brooke ke Sarawak dengan menyatakan berkenaan dengan peristiwa ketibaan James Brooke pada masa tersebut.⁷

Selain itu, menurut Mohd. Nor Ghani dan Noraini Ismail dalam buku mereka yang berjudul *Borneo Abad Ke 19: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik* (1995), menyatakan bahawa kedatangan James Brooke ke Sarawak bagaikan tetamu tanpa diundang. Hal ini demikian kerana pada ketika itu Sarawak sedang mengalami masalah pemberontakan terhadap pemerintah sedia ada. Namun, menurut penulis, sebelum kedatangan James Brooke ke Sarawak, beliau pernah berkunjung ke India, Asia Tenggara dan China sewaktu berkerja sebagai tentera dan hal ini menyebabkan beliau memilikipengetahuan yang baik tentang rantau ini. Ketika bapa beliau meninggal dunia pada tahun 1835, orang tuanya telah meninggalkan sejumlah wang warisan sebanyak 30 000 paun. James Brooke seolah-olah tidak tahu apa yang harus dilakukan dengan wang tersebut sehingga beliau terdetik untuk membeli sebuah kapal yang bernama *Royalist* untuk tujuan menjelajah rantau sebelah Timur. James Brooke bertolak dari England pada tahun 1838 dan tiba di Singapura pada awal tahun 1839. Dari Singapura, James Brooke meneruskan pelayarannya ke Sarawak dan sampai pada 15 Ogos 1839. Maka, dari situlah bermulanya James Brooke melakukan pentadbiran beliau di sekitar Sarawak dengan mengutamakan sektor ekonomi bagi memperkukuhkan kedudukan pentadbirannya.⁸

Tambahan itu, menurut Mohamed Roselan dalam bukunya yang berjudul *Sejarah Ringkas Sarawak Bumi Kenyalang* (1997) menyatakan bahawa pada tahun 1839, seorang pengembara Inggeris bernama James Brooke telah datang ke Kuching. Beliau membawa banyak hadiah untuk Pangeran Muda Hashim kerana telah membantu dan memberikan makan minum kepada kelasi kapal Inggeris yang karam

⁷ Eldridge C. C., *Victorian Imperialism*, Great Britain: Hodder & Stoughton, 1978, hlm. 186-187.

⁸ Mohd. Nor Ghani & Noraini Ismail, *Borneo Abad Ke 19: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, hlm. 90.

di pinggir pantai Sarawak. Hal ini menjadikan mereka sahabat baik sehingga pada saat akhirnya, Pangeran Raja Muda Hashim menyerahkan Sarawak ke tangan James Brooke disebabkan beliau turut membantu Pangeran Raja Muda Hashim sepanjang keberadaan di Sarawak. Kemudiannya, pemerintahan beliau diteruskan oleh pemerintah Brooke yang seterusnya.⁹

Menurut Arthur Lewis dalam penulisanannya yang bertajuk *Economic Survey 1919-1939* (1970) yang merupakan salah seorang sarjana ekonomi terkemuka menyatakan bahawa keadaan kemelesetan ekonomi yang berlaku ini satu masalah yang kecil tetapi merupakan satu zaman yang buruk dalam dunia sejarah moden disebabkan oleh tempoh yang agak panjang berlaku. Pada masa yang sama, keadaan ini turut memberikan impak terhadap ekonomi di Asia Tenggara yang sememangnya berperanan dalam mengeluarkan komoditi utama untuk tujuan memperkayakan kuasa-kuasa Eropah. Tambahan pula, Asia Tenggara sedang rancak dalam mengalami pertumbuhan ekonomi yang agak pesat terutamanya dalam pembekalan komoditi bahan mentah dan pertanian.¹⁰ Namun, terpaksa berdepan dengan kemelesetan ekonomi sehingga menjejaskan sektor ekonomi di Asia Tenggara sendiri.

Menurut Edwin dalam penulisan yang bertajuk *The Great Depression* (1932) menyatakan bahawa krisis ekonomi yang melanda seluruh dunia pada ketika itu disebabkan oleh Perang Dunia yang terceus. Keadaan ini telah memberikan kesukaran kepada negara-negara mahupun wilayah yang turut terlibat khasnya dalam ekonomi antarabangsa. Tambah Edwin lagi, keputusan dalam cuba memperbetulkan semula keadaan ekonomi yang sedang genting pada saat itu bukanlah sesuatu yang mudah seperti persediaan untuk berperangan. Hal ini demikian kerana banyak perkara perlu dinilai termasuk dikorbankan dalam memastikan keadaan ekonomi dunia kembali kepada kedudukan asal.¹¹ Justeru,

⁹ Mohamed Roselan Abdul Malek, *Negeri Sarawak Bumi Kenyalang*, Sarawak: Oscar Book International, 1997, hlm. 7.

¹⁰ Arthur Lewis, *Economic Survey 1919-1939*, London: George Allen and Unwin Ltd., 1970, hlm. 52.

¹¹ Edwin F. Gay, *The Great Depression*, *Foreign Affairs*, Vol. 10(4), July 1932, Council on Foreign Relations, hlm. 529.

setiap wilayah yang terjejas dalam krisis ekonomi ini terpaksa mengambil pelbagai inisiatif dalam mengembalikan semula kestabilan ekonomi.

Menurut R.J. Pole Evans dalam bukunya yang bertajuk *The Supreme Council: Sarawak* (1957) menyatakan bahawa Rajah Charles Vyner Brooke telah menubuhkan Jawatankuasa Pentadbiran yang bertanggungjawab menasihati Rajah dan Tuan Muda dalam menangani hal ehwal pentadbiran negeri selain bertindak mentadbir negeri apabila ketiadaan Rajah dan Tuan Muda. Hal ini selaras dengan polisi yang Charles Vyner Brooke cuba rangka bagi memastikan sistem pentadbiran kewangan di Sarawak teratur dan dapat memastikan kerajaan Brooke tidak jatuh begitu sahaja disebabkan oleh kejatuhan ekonomi Sarawak sendiri. Hal ini kerana James Brooke sendiri yang menyatakan pada awalnya bahawa kestabilan pentadbiran mereka bergantung kepada kekuatan ekonomi yang terdapat di Sarawak.¹²

Selain itu, menurut Ooi Keat Gin dalam penulisan tesis beliau yang bertajuk *An Economic History of Sarawak During the Period of Brooke Rule, 1841-1946* (1995) menyatakan bahawa pada ketika Charles Vyner Brooke diangkat menjadi Rajah Sarawak selepas menggantikan Charles Brooke, ia merupakan sesuatu yang tidak bertuah kerana pada ketika itu, Charles Vyner Brooke yang baru mentadbir Sarawak terpaksa berdepan dengan keadaan zaman kemelesetan ekonomi dunia. Keadaan ini berlaku kesan daripada Perang Eropah yang tercetus pada tahun 1914 sehingga 1918. Tambahan pula, kerajaan yang ditadbir oleh Charles Vyner Brooke ketika itu sangatlah bergantung dengan ekonomi. Oleh yang demikian, Charles Vyner Brooke perlu memastikan Sarawak dapat menyesuaikan diri dengan segala tuntutan ekonomi dunia yang sentiasa berubah seperti zaman kemelesetan ini. Namun begitu, Charles Vyner Brooke kekal berpegang kepada prinsip beliau dalam memerintah iaitu sentiasa mengutamakan perlindungan dan kemajuan kebajikan penduduk tempatan dalam melaksanakan sesuatu dasar.¹³

¹² Pole Evans R. J., *The Supreme Council: Sarawak*, *The Sarawak Museum Journal Vol. 7, No 7 (7)*, 1957, Lee Ming Press, hlm. 100-101.

¹³ Ooi Keat Gin, *An Economic History of Sarawak During the Period of Brooke Rule, 1841-1946*, *Tesis Doktor Falsafah University of Hull*, March 1995: 1-415, hlm. 16.

Tambahan itu, menurut Jon Reinhardt dalam penulisannya yang bertajuk *Administrative Policy and Practice in Sarawak: Continuity and Change Under the Brookes* (1970) menyatakan bahawa pentadbiran Charles Vyner Brooke dalam menggantikan pemerintahan bapanya iaitu Charles Brooke tidak kurang pentingnya dalam mentadbir Sarawak. Walaupun dilihat agak lemah berbanding pemerintahan sebelumnya namun, Charles Vyner Brooke memiliki prinsip sendiri dalam mentadbir Sarawak. Charles Vyner Brooke mengambil pendekatan pentadbiran dengan mengelakkan pentadbiran yang agak ketat dan tidak memberikan tekanan khasnya untuk penduduk tempatan. Prinsip yang beliau adaptasikan ini lebih kepada pentadbiran secara personalisasi atau dipersonalization of rule.¹⁴ Justeru, melalui penulisan ini dapat dilihat bahawa corak yang Charles Vyner Brooke laksanakan tidak mengambil keseluruhan cara pemerintah sebelumnya tetapi turut menetapkan pentadbiran dengan cara sendiri sesuai dengan keadaan yang melanda ekonomi dunia pada masa tersebut.

Di samping itu, menurut Fumitaka Furuoka dalam penulisannya yang bertajuk *Economic Development in Sarawak, Malaysia: An Overview* (2014) menyatakan bahawa Rajah Putih yang ketiga iaitu Charles Vyner Brooke telah melaksanakan kegiatan penanaman bagi memastikan ekonomi sara diri khasnya untuk makanan di Sarawak lebih konservatif. Pada masa yang sama juga, beliau enggan membuka sektor ekonominya untuk perusahaan kapitalis Barat dan juga imigran Cina. Tambahan pula, beliau tidak berminat sama sekali untuk menggalakkan perkembangan ekonominya ke Eropah termasuk Borneo Company Limited (BCL) walaupun pada dasarnya syarikat ini telah lama bertapak di Sarawak begitu juga dengan imigran Cina.¹⁵ Justeru, dapat dilihat bahawa cara yang Charles Vyner Brooke laksanakan lebih memementingkan penduduk di Sarawak semata-mata.

Manakala menurut Robert M. Pringles dalam penulisan yang bertajuk *The Brooke of Sarawak: Reformers in Spite of Themselves* (1971) menyatakan bahawa walaupun keadaan ekonomi Sarawak sudah berada pada tahap yang genting

¹⁴ Jon M. Reinhardt, *Administrative Policy and Practice in Sarawak: Continuity and Change Under the Brookes*, *The Journal of Asian Studies*, Vol. 29(4), August 1970, hlm. 859.

¹⁵ Fumitaka Furuoka, *Economic Development in Sarawak, Malaysia: An Overview*, Munich Personal RePEc Archive, 2014, hlm. 3.

disebabkan oleh kemelesetan ekonomi yang meanda seluruh dunia, Charles Vyner Brooke tetap dengan pendirian pentadbiran beliau yang mementingkan status quo pemerintahan Dinasti Brooke di Sarawak. Hal ini menyebabkan ramai pihak luar yang cuba mengambil kesempatan untuk mendapatkan Sarawak melaksanakan pelbagai cara disebabkan oleh kelemahan pendirian Charles Vyner Brooke ini. Oleh yang demikian, semasa pentadbiran Charles Vyner Brooke, Sarawak cuba keluar daripada kemelesetan ekonomi dengan apa yang termampu sahaja seperti melalui hasil-hasil kegiatan ekonomi sebelum berlakunya kemelesetan ekonomi. Misalnya, melalui hasil daripada penghasilan emas dan minyak.¹⁶ Oleh itu, dapat dilihat bahawa Charles Vyner Brooke merupakan seorang pentadbir yang sentiasa memiliki pendirian dalam mentadbir Sarawak walaupun pendirian beliau merupakan kelemahan kepada pentadbiran Brooke di Sarawak. Namun, beliau berjaya membawa Sarawak keluar sedikit demi sedikit daripada kemelut kemelesetan ekonomi dunia.

1.4 Objektif Kajian

Bagi mencapai penyelesaian kepada permasalahan kajian yang telah dinyatakan, pengkaji telah menetapkan beberapa objektif yang akan dikaji. Objektif yang pertama ialah memperkenalkan sejarah latar belakang kedatangan keluarga Brooke ke Sarawak sehingga berjaya menguasai pemerintahan di Sarawak khususnya dalam sektor ekonomi pada era pemerintahan Charles Vyner Brooke.

Seterunya, objektif yang kedua ialah menjelaskan dasar pentadbiran ekonomi Charles Vyner Brooke di Sarawak dalam menangani zaman kemelesetan ekonomi dunia demi kestabilan dan kekuatan pemerintahan beliau di Sarawak.

Objektif yang ketiga ialah menyatakan impak pelaksanaan dasar pentadbiran ekonomi Charles Vyner Brooke terhadap penduduk tempatan di Sarawak.

¹⁶ Robert M. Pringles, *The Brooke of Sarawak: Reformers in Spite of Themselves, The Sarawak Museum Journal Vol. XIX, 1971*, hlm. 57.

1.5 Skop Kajian

Skop kajian dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu bidang kajian dalam penyelidikan, tempoh masa atau tahun yang dipilih, tokoh yang dipilih dalam kajian dan tempat yang dipilih untuk menjalankan kajian. Oleh yang demikian, sejarah pentadbiran ekonomi Charles Vyner Brooke di Sarawak sudah pasti berkaitan sepenuhnya dengan corak pentadbiran ekonomi beliau di Sarawak khususnya pada zaman kemelesetan ekonomi dunia. Bagi mengkaji berkenaan dengan dasar pentadbiran ekonomi yang beliau gunakan, ianya lebih melihat kepada bagaimana cara beliau mengukuhkan pentadbiran pada era yang menghantui seluruh dunia iaitu kemelesetan ekonomi. Pada masa yang sama latar belakang kedatangan keluarga Brooke ke Sarawak turut diberikan fokus kerana kajian ini sangat penting dalam skop bidang kajian bagi mengetahui bagaimana kerajaan Brooke itu dapat bertapak di Sarawak.

Seterusnya, dari aspek tempoh masa yang dipilih ialah bermula pada tahun 1917 sehingga 1941. Pengkaji memilih tempoh masa ini kerana pada masa tersebut merupakan tempoh masa pemerintahan Charles Vyner Brooke memerintah Sarawak sebelum diserahkan pemerintahan seterusnya kepada pihak British. Pada masa yang sama juga, dalam tempoh tersebut, turut berlaku kemelesetan ekonomi dunia yang berlangsung selama 6 tahun dari tahun 1929 sehingga 1935. Oleh yang demikian, pengkaji mengambil tempoh masa sedemikian sahaja kerana pada masa tersebut dapat dilihat dasar yang dilaksanakan oleh Charles Vyner Brooke.

Di samping itu, bagi skop tokoh yang dipilih pula, sudah semestinya Charles Vyner Brooke kerana. Pengkaji akan cuba mengkaji serba sedikit latar belakang beliau dan kemudiannya melihat kepada dasar yang beliau pratikkan dalam mentadbir Sarawak yang turut berdepan dengan zaman kemelesetan ekonomi dunia.

Akhir sekali, skop yang seterusnya ialah tempat yang dipilih. Pada kajian ini sudah jelas pengkaji memilih Sarawak sebagai kawasan kajian kerana umum diketahui bahawa Charles Vyner Brooke sememangnya mentadbir Sarawak sahaja. Justeru, kajian ini hanya memfokuskan Sarawak sebagai kawasan kajian.